

10/05/2003

Malaysia beri syarat sokong usul Amerika

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Malaysia hanya akan menyokong usaha menarik balik sekatan ekonomi terhadap Iraq, termasuk yang dicadangkan Amerika Syarikat, jika ia memenuhi kepentingan rakyat negara itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Malaysia tidak mahu usul penamatan sekatan itu dilihat sebagai menghalalkan tindakan Amerika menakluk negara itu.

Katanya, pada masa yang sama, pasukan pemeriksa senjata Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) perlu memberikan pengesahan bahawa Iraq kini bebas daripada sebarang senjata pemusnah.

"Malaysia perlu melihat kandungan usul itu terlebih dulu kerana dulu Amerika juga yang membantah untuk menamatkan sekatan itu," katanya selepas melancarkan buku A Diplomat Arrives In Washington tulisan Dr Fauziah Taib, bekas Timbalan Ketua Misi bagi Kedutaan Malaysia di Washington yang kini Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Fiji, di Wisma Putra, semalam.

Presiden George W Bush kelmarin menggesa dunia menyokong Amerika Syarikat dalam penarikan semula sekatan ekonomi ke atas Iraq.

Amerika Syarikat bercadang memperkenalkan resolusi di Majlis Keselamatan PBB bagi menamatkan sekatan yang dikenakan sejak 1990 untuk membolehkan minyak negara itu diekspor semula.

Syed Hamid berkata, Malaysia mahu sekatan itu ditarik balik kerana sejak ia dilaksanakan 12 tahun lalu, ia gagal mencapai matlamatnya sebab tiada bukti nyata, selain menyebabkan rakyat Iraq menderita.

Beliau juga berkata, jemputan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghadiri Sidang Kemuncak Negara Kumpulan Lapan (G8) di Paris bulan depan, membuktikan pengiktirafan dunia kepadanya.

"Ini kerana jemputan anggota G8 hanya dibuat kepada pemimpin dari negara membangun yang diiktiraf di peringkat dunia. Ini amalan G8 (untuk menjemput pemimpin yang dihormati). Dr Mahathir dapat menggunakan forum ini untuk menyuarakan pandangan Malaysia mengenai pelbagai isu antarabangsa," katanya.

Syed Hamid yakin walaupun Dr Mahathir dijemput sebagai Perdana Menteri Malaysia, beliau, selaku Pengerusi Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), akan turut menyuarakan pandangan pergerakan itu.

Mengenai lawatan Canselor Jerman, Gerhard Schroeder ke Malaysia Ahad ini, Syed Hamid berkata, Schroeder akan mengadakan perjumpaan dengan Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Dr Mahathir dan Schroeder akan membincangkan isu dua hala terutama pelaburan Jerman di negara ini. Mereka juga akan menyentuh isu serantau dan antarabangsa," katanya, sambil menambah Schroeder akan turut mengadakan syarahan umum di Institut Diplomasi dan Perhubungan Luar (IDFR).